

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PGT 222 - Pengantar Penyelidikan Pendidikan

[Masa : 3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 10 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

Jawab Soalan No. 1 dan Dua (2) soalan lain.

...2/-

- 1 Baca laporan penyelidikan yang bertajuk "Keperluan Penuntut Malaysia di Nebraska, Amerika Syarikat" di bawah:

Keperluan Penuntut Malaysia di Nebraska, Amerika Syarikat

Terdapat ramai pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti dan Kolej di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian berbagai masalah mungkin dihadapi oleh pelajar-pelajar ini sama ada dari segi sosio-budaya maupun dari segi psikologi. Ini berlaku kerana kebanyakan mereka baru kali pertama meninggalkan tanah air untuk tinggal di negara asing. Justeru itu mereka perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran baru dan sistem pembelajaran yang asing dari apa yang mereka alami di Malaysia. Memandangkan mereka menghadapi berbagai macam masalah maka sudah tentulah mereka memerlukan suatu badan seperti MSD (Malaysian Student Department) yang dapat membantu menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Tujuan utama kajian ini ialah untuk meninjau tentang keperluan penuntut-penuntut Malaysia yang sedang menuntut di Universiti Nebraska Wesleyan dan di Universiti Nebraska di Lincoln. Kajian ini terbahagi kepada dua peringkat.

Peringkat pertama tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui apakah masalah dan keperluan pelajar Malaysia di luar negeri secara am terutama sekali di Amerika Syarikat. Ia berdasarkan kepada beberapa laporan dan kajian yang dipetik daripada akhbar-akhbar tempatan terutama sekali yang berkaitan dengan masalah dan keperluan pelajar Malaysia di luar negeri iaitu Amerika Syarikat, England, New Zealand dan Australia.

Peringkat Kedua tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh penuntut yang sudah menuntut di dua buah universiti, iaitu di Universiti Wesleyan dan di Universiti Nebraska, di Amerika Syarikat.

Kajian ini penting bagi membolehkan pihak tertentu memahami apakah keperluan yang dikehendaki oleh pelajar Malaysia di luar negeri. Di samping itu kajian ini juga penting bagi membolehkan pembaca memahami perhubungan di antara masalah dan keperluan bagi kumpulan yang berbeza-beza seperti jantina, keturunan dan agama.

Laporan ini hanya menumpukan jawapan untuk tujuan yang kedua sahaja. Hasil daripada kelima-lima jenis keperluan nampaknya penuntut-penuntut Malaysia yang sedang menuntut di seberang laut terutama sekali di Amerika Syarikat menghadapi banyak masalah terutama dari segi pelajaran, makanan bagi pelajar yang Islam, kurang bimbingan, kewangan dan tempat tinggal.

...3/-

Kajian ini dijalankan ke atas empat kumpulan pelajar di Universiti Nebraska dan di Universiti Nebraska Wesleyan. Kumpulan itu terdiri daripada 10 orang pelajar Kejuruteraan/Teknologi, 6 orang pelajar Pengurusan Perniagaan, 4 orang pelajar Senibina dan 2 orang pelajar Matematik/Komputer Sains yang dipilih secara rawak yang bersistem. Jumlah pelajar ialah 22 orang. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu yang masih bujang dan berumur dalam lingkungan 20 ke 24 tahun. Mereka ini baru berada dalam Semester 2 - 4. Dari jumlah 22 orang pelajar hanya 2 orang sahaja pelajar perempuan. Jumlah sampel yang dikaji ialah hampir separuh daripada jumlah populasi penuntut-penuntut yang sedang menuntut di kedua-dua buah universiti tersebut.

Kertas soal selidik diberikan kepada 22 orang pelajar tersebut. Dalam soal selidik ini terdapat 96 soalan yang berhubungan dengan keperluan penuntut Malaysia. Soal selidik ini juga dibahagikan kepada beberapa tajuk tertentu iaitu keperluan maklumat, keperluan tertentu, keperluan pelajaran, keperluan kewangan dan keperluan kebajikan.

Para pelajar diminta menandakan seberapa banyak keperluan di dalam soal selidik itu, kemudian mereka dikehendaki membaca semula dan menandakan 10 item keperluan yang paling mereka perlukan

Hasil daripada kajian awal (kajian perintis) untuk mendapatkan jenis-jenis keperluan, terdapat 47 keperluan yang dikehendaki oleh penuntut-penuntut di kawasan yang lain. Berdasarkan keperluan-keperluan yang diperolehi di tempat lain, item-item soal selidik telah disediakan di mana pelajar-pelajar perlu menandakan keperluan yang paling penting dalam bahagian keperluan maklumat, yang terdiri daripada 13 item, 11 item di bahagian keperluan tertentu, 8 item di bahagian keperluan pelajaran, 10 item di bahagian keperluan kewangan dan 5 item ditandakan di bahagian kebajikan.

Analisis data keputusan kajian berdasarkan pembolehubah yang utama iaitu:

- a) Pelajar-pelajar Kejuruteraan/Teknologi dan pelajar-pelajar Pentadbiran Perniagaan. Satu perbandingan telah dilakukan di antara respons-respons yang diberi oleh pelajar-pelajar Kejuruteraan/Teknologi dan pelajar-pelajar Pentadbiran Perniagaan mengenai sesuatu masalah.

- b) Peranan MSD kepada pelajar-pelajar ini bagi memenuhi keperluan. Ini bererti satu perbandingan di antara respons-respons terhadap kepentingan MSD dengan keperluan pelajar juga dibincangkan.

Keperluan Maklumat

Peratusan respons terhadap 27 keperluan yang disediakan didapati agak rendah. Daripada 13 keperluan yang dipilih keperluan surat khabar Malaysia di kampus yang ada pelajar Malaysia diperlukan oleh 68.2% penuntut; item maklumat kepada siapa hendak dihubungi bila mula-mula sampai ke lapangan terbang 31.8%; maklumat siapa yang harus dihubungi di Universiti yang hendak didatangi 27.2%, dan maklumat mengenai tugas-tugas MSD dan fungsi yang berhubung dengan organisasi pelajar 27.2%.

Hampir 90% pelajar-pelajar Kejuruteraan/Teknologi memilih item-item yang disebutkan dan 83% pelajar-pelajar Pengurusan/Perniagaan memilih item yang sama. Ini menunjukkan bahawa masalah dan keperluan pelajar Malaysia dapat di atas jika sekiranya MSD dapat berfungsi seperti yang diharapkan.

Keperluan Tertentu

Dari 25 item yang disediakan di peringkat awal, pelajar-pelajar dari kedua-dua kumpulan ini hanya memilih 11 item sahaja. Respons yang paling tinggi ialah keperluan tentang alamat yang kemaskini berkenaan MSA (Pertubuhan Penuntut-penuntut Malaysia) bagi memudahkan pelajar-pelajar Malaysia mengambil 'transfer credits', iaitu sebanyak 50%.

Item lain yang turut dipilih oleh pelajar ialah item mengenai keperluan untuk menubuhkan Malaysia Hall di Washington 22.7% dan di tempat-tempat lain (22.7%).

Nampaknya pelajar-pelajar Malaysia di kawasan Nebraska menghadapi masalah yang disebutkan di atas dan mereka tidak dapat hendak mengatasinya kecualinya melalui satu badan yang berpengaruh seperti MSD dapat menolong mereka. Dalam masalah ini pelajar-pelajar kumpulan Pentadbiran Perniagaan hanya 50% sahaja respons kepada item yang saya sebutkan manakala kumpulan Kejuruteraan dan Teknologi ialah 60%.

Keperluan Pelajaran

Terdapat 10 item dalam bahagian ini. Respons kepada item-item ini adalah menggalakkan. Daripada 10 keperluan yang disenaraikan hanya 8 keperluan telah dipilih oleh pelajar-pelajar dalam bahagian ini. Respons yang paling tinggi ialah mengenai keperluan untuk membantu pelajar memilih universiti yang terkenal (iaitu 40.9%), item mengenai membantu pelajar mencari universiti dan kolej yang mudah terdapat makanan halal 36.4%, keperluan mengenai memilih universiti yang menawarkan kursus yang sesuai dan boleh digunakan di Malaysia, 22.7% dan item mengenai memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar tentang universiti yang boleh dipohon di Amerika Syarikat, 13.7%.

Melihat kepada item-item yang dipilih didapati dua kumpulan pelajar sama ada yang mengikuti pengkhususan kejuruteraan mahupun perniagaan, inginkan bantuan dari MSD untuk mengatasi masalah mereka untuk memilih universiti yang benar-benar sesuai supaya dapat mengatasi masalah perpindahan apabila kursus yang diikuti tidak sesuai.

Keperluan Kewangan

Di bahagian ini terdapat 20 keperluan yang dikemukakan oleh kebanyakan pelajar. Mereka memilih hanya 10 keperluan. Keperluan yang paling tinggi ialah mengenai meminta MSD memberitahu penganjur supaya menghantar biasiswa dengan segera, iaitu 63.6%; keperluan seterusnya ialah mengenai pembayaran wang tuisyen dengan segera, iaitu 40.9%. Lain-lain item dalam bahagian ini hanya mendapat pemilihan yang rendah.

Bagi kumpulan 1 dan 2 pemilihan keperluan yang tinggi ialah mengenai penghantaran wang biasiswa dengan segera dan pembayaran wang tuisyen dengan secepat mungkin. Di sini jelas bahawa kebanyakan penuntut Malaysia di Nebraska sering menghadapi masalah kewangan. Wang biasiswa selalu lambat sampai kepada mereka. Oleh yang demikian mereka mengharapkan MSD patut mengambil daya usaha untuk mengatasi masalah pelajar-pelajar ini.

Keperluan Kebajikan

Sembilan keperluan dikemukakan di bahagian ini. Hanya 5 item sahaja yang dipilih oleh pelajar. Perkara yang paling tinggi dipertukan ialah yang mengenai personel MSD diminta datang dengan segera sekiranya ada pelajar yang meninggal, iaitu

63.6%. Keperluan seterusnya yang tinggi bagi pelajar ialah mengenai MSD perlu bertindak segera apabila ada pelajar yang terlibat dengan kemalangan (31.8%) dan keperluan mengenai pertolongan MSD dengan segera bila dikehendaki (22.7%). Keperluan lain mempunyai respons yang tidak begitu banyak.

Dalam keperluan meminta kakitangan MSD datang segera apabila ada kematian didapati hampir 90% kedua-dua kumpulan memerlukannya. Di sini jelas bahawa pelajar-pelajar Malaysia di Nebraska sering menghadapi masalah ini.

Daripada data-data yang diperolehi, pada keseluruhannya maklumat (dalam bentuk purata peratus respons bagi seluruh sampel) tentang bagaimana kesemua pelajar mahukan keperluan-keperluan adalah seperti berikut:

- a) - mengenai keperluan maklumat
- b) - mengenai keperluan tertentu (spesifik)
- c) - mengenai keperluan pelajaran
- d) - mengenai keperluan kewangan
- e) - mengenai keperluan kebajikan

Dari kajian di atas didapati dua kumpulan pelajar, iaitu kumpulan pelajar Kejuruteaan dan pelajar-pelajar Pentadbiran Perniagaan menghadapi masalah yang hampir sama.

Boleh dikatakan sebilangan besar pelajar Malaysia yang belajar di Amerika Syarikat adalah di peringkat Sarjana Muda. Hampir semua mereka ialah lelaki yang berumur 20 - 24 tahun. Menurut laporan Krishnamoorthy Muthaly, 'Coping With a New Environment' (New Straits Time 6 Jun 1983) beliau menyatakan pelajar-pelajar Malaysia muda menghadapi kejutan budaya kerana kebanyakannya mereka datang kali pertama meninggalkan tanah air untuk tinggal di sebuah negara yang asing, sama ada dari segi sosial, kebudayaan dan nilai-nilai hidup. Bukan itu sahaja, cara pengajaran dan pembelajaran di negara baru ini juga agak asing kepada pelajar. Tidak hairanlah hampir 80% pelajar Malaysia menghadapi masalah pelajaran. Mereka bukan sahaja lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris di Universiti yang mereka masuki, kadangkala mereka juga tersalah pilih universiti atau memasuki universiti yang mementingkan wang atau perniagaan. Bagi pelajar yang berada di negara asing tentulah mereka menghadapi kesukaran untuk mengadu kepada siapa harus dituju untuk menyelesaikan masalah. Sebab itu mereka mengharap MSD dapat membantu pelajar dalam menyelesaikan masalah mereka.

Hampir 52% pelajar menyatakan mereka kurang mengetahui fungsi MSD, mereka tidak tahu kepada siapa hendak mendapat nasihat apabila menghadapi sesuatu masalah. Dari data yang diperolehi, nampaknya MSD tidak begitu efisien dalam tugasnya untuk membantu pelajar yang sering menghadapi masalah. Menurut kajian Datuk Dr. Amir Awang, (Utusan Malaysia 8 Oktober 1985) 'Khidmat Jabatan Penuntut di Amerika Perlu Diperbaiki' jelas menunjukkan bahawa pelajar Malaysia di seberang laut khususnya di Amerika sering gelisah mengenai keadaan pembelajaran, kewangan, maklumat yang diperolehi daripada MSD dan sebagainya.

Masalah kewangan adalah satu masalah yang besar, terutama bagi pelajar-pelajar di luar negeri, di mana mereka sukar mendapat bantuan daripada orang asing. Mereka semata-mata mengharapkan wang biasiswa untuk keperluan di Amerika. Tambahan pula sewa rumah yang mahal dan taraf kehidupan yang tinggi. Mereka sangat mengharap agar MSD dapat menolong mencadangkan pihak pengajur menyejajarkan penghantaran wang biasiswa.

Di samping itu kebanyakan pelajar Malaysia menghadapi masalah untuk mendapatkan makanan yang halal. Dalam hal ini mereka berharap sebelum datang ke Amerika mereka hendaklah diberitahu terlebih dahulu universiti yang dapat mensajikan makanan halal.

Selain daripada keperluan di atas pelajar-pelajar juga memerlukan keperluan yang istimewa, iaitu 48.0% pelajar yang memilih keperluan ini. Dari respons-respons itu didapati ramai pelajar yang merungut yang pihak MSD lambat bertindak atau membalas surat-surat yang mereka hantar kepada MSD. Segala pertanyaan atau masalah tidak dapat diselesaikan dengan segera. Apa yang lebih merumitkan pihak pelajar ialah fail-fail peribadi mereka tidak lengkap atau dikemas kini.

Daripada keputusan yang terdapat hasil dari kajian ini, tidak dapat dinafikan bahawa perhubungan di antara pelajar dengan MSD adalah agak renggang. Ini jelas daripada respons pelajar-pelajar terhadap bahagian keperluan maklumat.

Berdasarkan kepada keputusan maklumat yang diperolehi juga menunjukkan yang keperluan penting bagi pelajar-pelajar Malaysia ialah mereka memerlukan bantuan dan pengawasan dari pegawai-pegawai MSD. Pelajar juga perlu memahami masyarakat Amerika dari segi sosial dan budaya.

Rujukan:

Amir Awang, 'Missing Out On the Best in Education', New Straits Times, 8 October 1995.

Jawab soalan-soalan berikut:

(a) Kenalpasti dan jelaskan dengan ringkas tentang perkara-perkara berikut:

- i) Permasalahan dan tujuan kajian
- ii) Tatacara atau prosedur
- iii) Kaedah analisis yang digunakan
- iv) Rumusan dan penutup

(b) Perbaiki :

- i) Perbincangan
- ii) Cara menulis rujukan (Amir Awang) yang betul

(c) Persampelan Kajian

- i) Jika jumlah populasi pelajar-pelajar yang menuntut di Universiti Nebraska dan Wesleyan ialah 50 orang berapakah nilai ralat persampelan bagi kajian ini?
- ii) Jika 50% daripada jumlah responden memerlukan perkara yang disenaraikan dan yang lainnya tidak memerlukan langsung perkara-perkara tersebut berapakah jumlah bilangan pelajar yang diperlukan untuk kajian ini supaya ralat persampelannya tidak melebihi daripada 3%?
- iii) Jika anda hendak melihat pertalian di antara keperluan pelajaran dengan keperluan kebajikan bagaimanakah anda menganalisis data kajian tersebut?. Huraikan langkah-langkahnya dengan jelas.

[40 markah]

2. Bagaimanakah caranya jika anda hendak menentukan kesahan ramalan bagi sesuatu instrumen?

Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati ujian bakat yang telah mereka sediakan selama ini tidak menjamin dan menghasilkan guru yang dedikasi sehingga mereka bersara.

...9/-

Apakah jenis ujian bakat yang anda perlu jalankan kepada pemohon-pemohon yang hendak menjadi guru dan huraikan isi kandungan dari segi kesahan kandungan dan kesahan ramalannya. Huraikan bagaimana anda menjalankan ujian tersebut dan bagaimana pula anda hendak menentukan guru yang anda pilih?

[30 markah]

3. Terdapat dua jenis persampelan yang biasa digunakan oleh penyelidik iaitu, persampelan berkemungkinan dan persampelan tidak berkemungkinan.

Sekiranya anda ingin mengetahui min bilangan buku perpustakaan yang dibaca oleh murid-murid di sekolah anda mengikut darjah/tahun/tingkatan dan buku fiksyen dan bukan fiksyen, jenis persampelan mana yang anda pilih? Kenapa?

Bincangkan beberapa teknik dan prosedur memilih sampel yang anda pilih.

[30 markah]

- 4 a) Beri dua perbezaan di antara kajian tindakan dengan kajian menggunakan sejarah lisan.
- b) McNiff dan rakan-rakannya menerangkan sepuluh tugas ataupun langkah untuk menjalankan projek penyelidikan tindakan. Huraikan langkah-langkah tersebut.

[30 markah]


5. a) Apakah tujuan kajian persejarahan (Kajian Sejarah)?
- b) i) Apakah persamaan dan perbezaan di antara Kajian Sejarah hidup dengan Kajian Sejarah Secara Lisan (oral history)?
- ii) Apakah persamaan dan perbezaan di antara 'desk research' dengan kajian menggunakan dokumen.
- c) Huraikan cara-cara menjalankan kajian perbandingan (penyelidikan komparatif)
- d) Salah satu perkara yang perlu diambil kira dalam kajian sejarah ialah tentang tafsiran atau maklumat dapatan kajian. Bincangkan perkara-perkara berikut tentang tafsiran data teks atau transkrip sejarah:

...10/-

- (i) tafsiran sebutan
- (ii) tafsiran teknikal
- (iii) tafsiran logikal
- (iv) tafsiran psikologikal
- (v) tafsiran fakta
- (vi) membiarkan fakta menerangkan apa yang hendak dijelaskan

[30 markah]

6. a) Apakah kelemahan rekabentuk kes sekali (one-shot) iaitu rekabentuk kajian yang dirumuskan seperti rajah berikut?



b) Beri sebab-sebab kenapa rekabentuk eksperimen kumpulan kawalan pasca ujian (ujian akhir) dianggap jauh lebih baik daripada rekabentuk kajian kes sekali (one-short). Rajah lakaran bagi rekabentuk kumpulan kawalan pasca ujian adalah seperti berikut:



c) (i) Ceritakan dengan ringkas bagaimana anda menjalankan kajian siri masa yang dimulakan dengan tiga pemerhatian sebelum pendedahan dan empat lagi pemerhatian setelah pendedahan seperti yang ditunjukkan dalam rajah yang berikut:



ii) Bagaimanakah anda dapat menafsirkan data yang diperolehi itu benar-benar memberi perubahan disebabkan pengaruh pendedahan, X.

[30 markah]